

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

**Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)**

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Kursus Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025



eISSN 2976-2596



9 7 7 2 9 7 6 2 5 9 0 0 3

LATIHAN PENGGUNAAN MICROSOFT POWER BI DENGAN KERJASAMA PEJABAT TRANSFORMASI UNIVERSITI

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad



Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dengan kerjasama Pejabat Transformasi Universiti telah berjaya menganjurkan sesi Latihan Penggunaan *Microsoft Power BI* pada 19 Mac 2025. Latihan ini dikendalikan oleh dua tenaga pakar dari Pejabat Transformasi Universiti, iaitu Encik Rizahafez Shuhut, Pegawai Eksekutif Tertinggi (Perangkaan), dan Encik Affende Zaini, Pegawai Eksekutif Kanan (Perangkaan).

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam bin Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO). Beliau menzahirkan rasa bangga kerana projek pembangunan *Dashboard* Objektif Kualiti UiTM yang dirancang sejak tahun 2024 akhirnya berjaya direalisasikan menerusi sesi latihan ini.

Latihan ini turut disertai oleh Ts. Dr. Razulaimi bin Razali, Ketua Pengurusan Kualiti InQKA, serta dua staf pentadbiran Unit PKIKO yang akan bertanggungjawab dalam pengurusan dan pelaksanaan operasi dashboard tersebut pada masa hadapan.

Sepanjang sesi selama 4 jam, telah berjaya menghasilkan draf rangka *dashboard* pertama yang melibatkan Objektif Kualiti UiTM 1, 2, 4, 4a dan 5. Selain itu, latihan ini juga memudahkan proses integrasi data daripada pelbagai sistem pemegang taruh yang terlibat.



Namun, beberapa objektif kualiti masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya berikutan kekangan maklumat dan data daripada PTj yang masih menggunakan kaedah manual dalam pengumpulan rekod. Hal ini menunjukkan keperluan untuk mempercepatkan pendigitalan sistem bagi memastikan data dapat diurus dengan lebih cekap.

Penambahbaikan Kualiti di UiTM

Pendedahan kepada Microsoft Power BI ini memberikan impak positif kepada peserta, terutama dalam aspek pengurusan data objektif kualiti UiTM secara lebih sistematik dan efisien. Dengan adanya *dashboard* ini, pihak InQKA dapat mengurus dan menganalisis data dengan lebih baik, sekaligus menyokong usaha penambahbaikan kualiti di UiTM.

Secara keseluruhannya, sesi latihan ini telah mencapai matlamat dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta terhadap *Microsoft Power BI*. Diharapkan dengan pengetahuan yang diperoleh, pelaksanaan proses kerja di masa hadapan akan menjadi lebih mudah, pantas dan berstruktur. Ke arah transformasi digital yang lebih mampan, latihan sebegini wajar diteruskan agar UiTM kekal sebagai institusi yang berdaya saing dalam pengurusan data dan kualiti.



KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا. قنوى. موليا



<https://inqka.uitm.edu.my>



@inqka



@inqkautm



@InQKAUITM



InQKA UITM



@inqkautm6101



@inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003